

**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI NOOR  
KETUA MENTERI SABAH  
DI MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENYAMPAIAN SURAT  
WATIKAH PELANTIKAN 45 ORANG PEMIMPIN-PEMIMPIN  
PEMBANGUNAN MASYARAKAT NEGERI SABAH  
DI BILIK MESYUARAT UTAMA, TINGKAT 26, PUSAT  
PENTADBIRAN NEGERI SABAH, KOTA KINABALU  
23 NOVEMBER, 2020**

1. Majlis pada petang ini adalah amat penting kerana ini selaras dengan hasrat Kerajaan GRS mempercepatkan pelantikan pemimpin-pemimpin masyarakat di akar umbi untuk membolehkan mereka segera turun padang menunaikan tugas-tugas memenuhi aspirasi rakyat.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang menerima surat pelantikan sebagai PPM pada hari ini dan saya ingin berpesan kepada semua supaya menjalankan tugas sebaik mungkin dengan penuh komitmen dan integriti yang tinggi.

3. Pelantikan sebagai PPM merupakan satu amanah dan tanggungjawab untuk memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan semua program pembangunan di setiap kawasan DUN

4. PPM harus memastikan setiap program atau projek pembangunan siap dalam tempoh masa yang ditetapkan dan mengikut spesifikasi serta memberi menafaat sepenuhnya kepada rakyat

5. Selain menjadi ketua pelaksana projek-projek pembangunan di kawasan DUN, PPM juga memainkan peranan penting memastikan wujud persefahaman dan kerjasama dikalangan rakyat

6. Kerjasama dan perpaduan dikalangan rakyat adalah penting bukan saja untuk memastikan semua program pembangunan dilaksanakan dengan jayanya tetapi demi untuk keharmonian rakyat

7. Saya ingin melihat setiap pemimpin akar umbi menjalinkan hubungan yg baik dengan rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik mereka. Kesejahteraan dan keharmonian rakyat mestilah menjadi keutamaan kita.

8. Sebagai ketua pentadbir pembangunan masyarakat di peringkat DUN, PPM bertanggungjawab memastikan keberkesanan peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKKK) sebagai mata dan telinga kepada kerajaan di peringkat kampung.

9. Saya ingin menyarankan kepada UPPM di setiap kawasan DUN untuk sentiasa memantau perjalanan gerak kerja setiap JPKK dalam mengurus keperluan penduduk kampung.

Sekian.